

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

oleh

MOHD FIRDAUS BIN GHAZALI

bertajuk

**Laporan Cadangan Rekabentuk Baru Kafe Untuk Syarikat Power Root Sdn. Bhd (M) di No. 28 dan 30 Jalan Klang
Sentral 3 / KU5 41050, Klang, Selangor**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan	:	_____	En Abd Halim Abd Manaf
Koordinator Kursus	:	_____	Pn. Mawar Masri
Koordinator Program	:	_____	Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Abd Rashid

Abstrak

Pembentukan sebuah rekabentuk adalah berdasarkan apa yang dilihat, apa yang dikaji serta penelitian yang mendalam bagi menghasilkan sesuatu rekabentuk yang berjaya. Ia haruslah dilihat dari pelbagai aspek samada aspek luaran ataupun dalaman.

Penggunaan elemen – elemen yang sesuai amat penting dalam penghasilan sesuatu projek bagi mendapatkan ketepatan konsep yang ingin ditonjolkan. Ini adalah kerana dengan menggunakan cara ini, sesebuah rekabentuk itu dapat dihasilkan dengan kesempurnaan yang maksimum.

Kafe ini ditubuhkan bagi memberi imej tersendiri kepada Power Root dan sekaligus menjadikan Power Root terkenal.

Penghargaan

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi diatas limpah kurniaNya sepanjang saya menjalankan serta menyiapkan laporan akhir bagi projek tahun akhir saya dalam kursus rekabentuk ini

Ucapan terima kasih saya juga kepada seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberi dorongan dan bimbingan dari segi fizikal dan mental.
Semoga ilmu yang dicurahkan diberkati olehNya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pensyarah - pensyarah yang banyak membantu dalam meluluskan mana- mana kajian yang ingin saya jalankan.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan yang telah banyak membantu serta penglibatan mereka didalam usaha membantu saya menyediakan laporan akhir ini.

Akhir sekali diucapkan terima kasih kepada Power Root café kerana Banyak memberi kerjasama dalam memberikan sedikit bantuan dan maklumat.

Diharap hasil usaha saya ini dapat dijadikan panduan kepada sidang pembaca sekalian.
Sekian terima kasih.

Abstrak
Penghargaan
Isi kandungan
Senarai rajah
Senarai lampiran

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	PENGENALAN	1
	1.1.1 Definisi Restoran dan Kafe	2
	1.1.2 Jenis-jenis Restoran	3
1.2	METODOLOGI KAJIAN	6
1.3	MATLAMAT KAJIAN	9
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	10
1.5	HALANGAN KAJIAN	11
1.6	KEPENTINGAN KAJIAN	12
BAB 2.0	KLIEN	13
2.1	LATARBELAKANG	13
2.2	CARTA ORGANISASI	14
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	15

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kopi adalah sejenis minuman, biasanya dihidangkan panas, dan dipersiapkan dari biji dari tanaman kopi yang dipanggang. Saat ini kopi merupakan komoditas nomor dua yang paling banyak diperdagangkan setelah minyak bumi. Total 6,7 juta ton kopi diproduksi dalam kurun waktu 1998-2000 saja. Diperkirakan pada tahun 2010, produksi kopi dunia akan mencapai 7 juta ton per tahun

Sejarah kopi dapat ditelusuri jejaknya dari sekitar abad ke-9, di dataran tinggi Ethiopia. Dari sana lalu menyebar ke Mesir dan Yaman, dan kemudian pada abad limabelas menjangkau lebih luas ke Persia, Mesir, Turki dan Afrika utara. Pada awalnya kopi kurang begitu diterima oleh sebagian orang. Pada tahun 1511, karena efek rangsangan yang ditimbulkan, dilarang penggunaannya oleh para imam konservatif dan othodoks di majlis keagamaan di Makkah. Akan tetapi kerana popularitis minuman ini, maka larangan tersebut pada tahun 1524 dihilangkan atas perintah Sultan Selim I dari Kesultanan Utsmaniyah Turki. Di Kairo, Mesir, larangan yang serupa juga disahkan pada tahun 1532, di mana kedai kopi dan gudang kopi ditutup.

Dari dunia Muslim, kopi menyebar ke Eropah, di mana minuman ini menjadi popular selama abad ke-17. Orang Belanda adalah yang pertama kali mengimport kopi dalam skala besar ke Eropah, dan pada suatu waktu menyeludupkan bijinya pada tahun 1690, kerana tanaman atau biji mentahnya tidak diizinkan keluar kawasan Arab. Ini kemudian berlanjutan pada penanaman kopi di Jawa oleh orang Belanda.